

AKHBAR : UTUSAN BORNEO SABAH

TARIKH : 28 FEBRUARI 2023

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 2

HARI : SELASA

Belanjawan 2023: Insentif kepada peminjam PTPTN

KUALA LUMPUR: Pembentangan Belanjawan 2023 oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 24 Februari lalu memberikan pelbagai inisiatif kepada masyarakat Malaysia termasuk peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

PTPTN melafazkan terima kasih dan sekali gus komited untuk melaksanakan salah satu inisiatif belanjawan

tahun 2023 iaitu insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 20 peratus selama tiga bulan bermula 1 Mac 2023.

Malah, PTPTN juga menyambut baik inisiatif penangguhan bayaran balik kepada peminjam berpendapatan bulanan RM1,800 ke bawah untuk tempoh enam bulan. Permohonan penangguhan boleh dibuat mulai 1 Mac 2023.

Inisiatif ini menunjukkan keprihatin kerajaan dalam

keadaan ekonomi yang mencabar pada masa ini sekali gus meringankan beban kewangan peminjam yang terkesan. Justeru, pelaksanaan inisiatif ini akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

PTPTN sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dan bersedia untuk membantu peminjam selaras dengan inisiatif kerajaan yang telah diumumkan melalui Belanjawan 2023, baru-baru ini.